



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	24/3/2019	MUKA SURAT	:	66
JABATAN	:	KATS / YBM / SPAN / JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pusat luluskan RM70 juta selesai masalah air di Merbok

SUNGAI PETANI 23 Mac - Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Merbok, Tanjung Dawai, Bedong, Semeling dan Gurun dengan menaik taraf Loji Rawatan Air Tupah dan Merbok serta penggantian paip lama.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar berkata, di samping itu, kerajaan juga meluluskan peruntukan bagi pelaksanaan sebanyak 10 buah projek menaik taraf sumber dan bekalan air bernilai RM1.7 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Kata beliau, pihak kementerian memandang serius terhadap masalah air yang melanda di negeri ini seterusnya menjejaskan 20,000 penduduk.

“Bila semua projek yang diluluskan itu dilaksana sepenuhnya, penduduk di negeri ini, termasuk di Langkawi tidak

lagi menghadapi masalah air sehingga 2045 nanti,” katanya semasa sidang akhbar selepas Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir merasmikan Hari Air Sedunia 2019, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Raya, Bekalan Air dan Sumber Air dan Tenaga negeri, Zamri Yusof; Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Alam Sekitar, Datuk Zurinah Pawanteh; Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Dr. Md. Na-



XAVIER JAYAKUMAR

sir Md. Noh dan Pegawai Daerah Kuala Muda, Md. Nordin Yahya.

Xavier berkata, bagi mengelakkan pembaziran, sebanyak RM44.7 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil (NRW) di bawah program NRW Pendekatan 1 Negeri Kedah dengan peruntukan RM12.4 juta pada 2019.